

## **Faktor-faktor yang menyebabkan stres dalam kalangan Guru Sains dan Matematik di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru**

### Abstrak

Pendidikan di Malaysia telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Bidang pendidikan terus mengalami perubahan dari semasa ke semasa kerana bidang ini adalah bersifat dinamik sama ada dari segi asas penegasan kepada kandungan mahupun kaedah dan sumbernya. Reformasi pendidikan dan Dasar Liberalisasi telah membawa pelbagai perkembangan dan perubahan yang menjadikan pendidikan di Malaysia sebagai satu industri dan sektor pembangunan manusia. Rombakan dan hala tuju pendidikan di Malaysia juga berlaku selaras dengan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju sepenuhnya. Menurut Abdul Rahim (2000), pendidikan adalah suatu alat bagi mencorakkan masyarakat madani dan masyarakat maju berasaskan kemajuan sains, teknologi dan kemanusiaan.

Pendidikan di Malaysia bergelut di antara wawasan dan agenda yang menjadikannya bidang yang sentiasa terbuka kepada penilaian dan kritikan. Dasar-dasar pembaharuan dan reformasi pendidikan bukan sahaja memberi kesan yang positif malahan juga membawa pelbagai masalah baru dalam konteks pembinaan bangsa dan negara. Cabaran era komunikasi abad ke-21 terhadap sistem pendidikan negara begitu dirasai. Ledakan teknologi maklumat dan kemajuan teknologi global serta kewujudan arus perdana Koridor Raya Multimedia dalam system pentadbiran negara, menuntut konsep pendidikan mencorak ke arah yang bercirikan teknologi secara saintifik.